

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 04 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah tenaga kerja negara yang terkini dan jumlah tenaga kerja asing mengikut sektor serta berapakah jumlah yang telah dihantar pulang pada tahun 2018 dan 2019.

PR-1422-L04799

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah tenaga kerja negara sehingga suku tahun pertama 2019 adalah seramai 15.010 juta orang.
2. Penggajian pekerja asing di negara kita diluluskan untuk pekerjaan tertentu dalam enam (6) sektor iaitu sektor Pembinaan, Pertanian, Perladangan, Perkilangan, Perkhidmatan dan Pembantu Rumah Asing (PRA). Kerajaan juga menetapkan hanya Negara tertentu sahaja yang boleh dijadikan Negara sumber untuk mendapatkan pekerja asing di mana terdapat 13 negara yang dibenarkan iaitu Bangladesh, Cambodia, China, Filipina, India, Indonesia, Laos, Myanmar, Nepal, Pakistan, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam.
3. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi suku tahun pertama 2019, lima (5) negara dengan jumlah tenaga kerja asing tertinggi di Malaysia adalah seperti berikut:

Jumlah Tenaga Kerja Asing Di-Malaysia

BIL.	WARGANEGARA	SEKTOR						JUMLAH BESAR
		PERKILANGAN	PEMBINAAN	PERLADANGAN	PERKHIDMATAN	PERTANIAN	PRA	
1.	INDONESIA	137,733	159,609	203,309	43,718	75,190	92,675	712,234
2.	BANGLADESH	209,164	212,580	34,885	91,025	19,668	125	567,447
3.	NEPAL	240,534	7,403	2,870	71,462	9,393	62	331,724
4.	MYANMAR	84,505	13,359	921	17,534	4,064	63	120,446
5.	INDIA	2,957	10,142	27,699	51,030	25,654	1,132	118,614
JUMLAH		674,893	403,093	269,684	274,769	133,969	9,4057	1,850,465

Sumber : Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi suku tahun pertama 2019,

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, setiap pekerja asing yang ingin pulang ke negara asal perlu mendapatkan Memo Periksa Keluar (*Check Out Memo – COM*). Dalam hal ini, majikan bertanggungjawab untuk menguruskan permohonan COM pekerja asing dan hendaklah memastikan pekerja asing pulang pada tarikh yang ditetapkan dalam COM melalui Pintu Keluar yang dipohon. Sekiranya majikan tidak memohon COM bagi pekerja asing yang dihantar pulang ke negara asal, pekerja tersebut dianggap masih bekerja dan berada di bawah tanggungjawab majikan tersebut. Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), sejumlah 255,160 *check out memo* (COM) telah dikeluarkan untuk penghantaran pulang pekerja asing ke negara asal bagi tahun 2018 dan 101,925 COM daripada 1 Januari 2019 hingga 31 Mei 2019.